



**KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA
ARKIB NEGARA MALAYSIA**

TEKS UCAPAN PERASMIAN

**YB DATUK AARON AGO DAGANG
MENTERI PERPADUAN NEGARA**

SEMPENA

**KONVENSYEN KEBANGSAAN BAHASA KOLOKIAL:
MELESTARIKAN KEBERDAYAAN BAHASA KOMUNITI**

6 NOVEMBER 2024 (RABU)

9.00 PAGI

**HOTEL TENERA
BANDAR BARU BANGI, SELANGOR**

Salam Malaysia MADANI dan Salam Perpaduan.

SALUTASI

Salutasi terkini disediakan secara berasingan.

PENDAHULUAN

1. Syukur, hari ini kita dapat berkumpul bagi Majlis Perasmian **KONVENSYEN KEBANGSAAN BAHASA KOLOKIAL: MELESTARIKAN KEBERDAYAAN BAHASA KOMUNITI 2024.**
2. Penganjuran Konvensyen ini mencerminkan kesungguhan Arkib Negara Malaysia (ANM) untuk mengumpulkan dan mendokumentasikan maklumat mengenai bahasa kolokial supaya ia kekal terpelihara dan boleh dirujuk bukan sahaja oleh kita pada hari ini tetapi juga generasi akan datang.
3. Sebentar tadi, Ketua Pengarah telah memaklumkan bahawa Arkib Negara Malaysia telah berjaya **melaksanakan 11 siri Bicara Bahasa Kolokial**. Oleh itu, saya ingin merakamkan ucapan syabas dan tahniah diucapkan kepada semua yang terlibat secara langsung dan tidak langsung. **Namun, saya berharap usaha ini tidak terhenti setakat ini sahaja. Saya percaya masih banyak lagi dialek dan bahasa kolokial yang perlu dicungkil, diteroka dan didokumentasikan.**

BAHASA PENGUKUH PERPADUAN

Hadirin yang saya hormati sekalian,

4. Dari segi pengisian kemerdekaan, peranan bahasa terus kekal relevan sebagai **agen perpaduan**. Konsep **“nasionalisme bahasa”** telah menjadi asas penting dalam pembentukan konsep kenegaraan melalui dasar-dasar negara terutama Dasar Bahasa Kebangsaan dan Dasar Pendidikan Kebangsaan termasuk juga Dasar Perpaduan Negara yang dibangunkan oleh Kementerian Perpaduan Negara.
5. Dasar Perpaduan Negara bertindak sebagai **pemangkin bagi pencapaian Malaysia sebagai sebuah negara yang bersatu padu, harmoni dan makmur**. Tunjang kepada dasar ini adalah Perlembagaan Persekutuan dan Rukun Negara. Kementerian ini telah **mengangkat tinggi kedaulatan bahasa sebagai agenda utama perpaduan negara** dalam dasar ini, iaitu Teras 02 Identiti Nasional melalui pelaksanaan Strategi 2: **Mengukuhkan Peranan Bahasa Sebagai Medium Integrasi Perpaduan**.
6. Kebijaksanaan dan ketokohan pemimpin negara kita yang terdahulu telah meletakkan asas yang kukuh dalam mencorakkan pengisian kemerdekaan mengikut acuan sendiri, yang antara lain menjadikan **bahasa sebagai asas**

pembinaan negara Malaysia. Sebagaimana yang diungkapkan oleh Yang Teramat Mulia Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj, Perdana Menteri pertama kita, **“negara tanpa bahasanya sendiri samalah negara tanpa roh kerana bahasa merupakan jiwa bangsa”**.

7. Bahasa bukan sahaja menggambarkan sahsiah seseorang individu malah berupaya mengangkat martabat sesuatu bangsa di mata dunia. **‘Bahasa Jiwa Bangsa’ dan ‘Bahasa Menunjukkan Bangsa’** merupakan peribahasa untuk menanam pegangan dan jati diri dalam kalangan masyarakat Malaysia. Ini kerana bahasa merupakan salah satu wahana jati diri bangsa yang dapat memperkenalkan bangsa tersebut.
8. Nikmat keamanan dan keharmonian etnik yang dikonsepskan sebagai **kesepaduan sosial menjadi agenda penting** yang memerlukan iltizam dan usaha bersungguh-sungguh serta berterusan oleh semua pihak sama ada kerajaan, swasta mahupun masyarakat awam. Integrasi dan interaksi sosial mampu dibina secara harmoni dengan kesediaan sesuatu etnik mengasimilasi dan menerapkan nilai-nilai etnik yang lain dalam sistem sosial sama ada dalam konteks intra-etnik itu sendiri atau melibatkan inter-etnik.

9. Malaysia sering kali dirujuk sebagai **sebuah negara yang mampu menguruskan kepelbagaian etnik dan kerencaman budaya**. Hal ini amat bertepatan kerana berdasarkan data Indeks Keamanan Global 2024 (GPI 2024), **Malaysia berada di kedudukan ke-10 sebagai negara paling aman di dunia daripada 163 buah negara yang mengambil bahagian**.
10. Ini menunjukkan peningkatan ketara berbanding tahun lepas iaitu pada **ke-19 dalam laporan GPI 2023**. GPI ialah pengukur utama keamanan global serta membentangkan analisis yang dipacu oleh data paling komprehensif setakat ini dalam **trend keamanan, nilai ekonominya dan cara membangunkan masyarakat yang harmoni**.

INISIATIF MELESTARIKAN PENGGUNAAN BAHASA KOLOKIAL

11. Pemodenan negara tidak akan lengkap tanpa pemodenan bahasa. **Bahasa akan berdiri teguh selagi ada penggunaanya yang aktif**. Penghasilan kosa kata yang baharu dan seiring dengan perkembangan semasa pasti akan mengukuhkan lagi sesebuah bahasa itu. Dengan itu, **pemupukan dan inovasi perlu dilakukan demi kelangsungan sesebuah bahasa**.

12. Dalam usaha membangunkan bahasa standard, saya mencadangkan **bahasa dialek dan bahasa kolokial perlu diperbanyakkan dimasukkan dalam kamus**, lebih-lebih bahasa atau dialek tempatan yang jarang digunakan. Ini boleh memperkayakan kosa kata dan seterusnya boleh menjadi sebahagian daripada bahasa kebangsaan, bahasa rasmi dan bahasa pendidikan.
13. **Kajian ke atas bahasa kolokial dan dialek harus diperluaskan dan dilakukan di semua negeri serta melibatkan semua bangsa, etnik dan suku kaum di Malaysia.** Penggunaan teknologi terkini dan multi-disiplin seperti menggunakan pendekatan ***Geographical Information System (GIS)*** boleh dilakukan oleh pengkaji-pengkaji bahasa. Hasil kajian ini perlu **diterbitkan dan disebarluaskan.**
14. Pengajian atau pelajaran mengenai bahasa kolokial dan dialek/loghat tempatan juga dicadangkan dijadikan sebagai **silibus bagi pengajian kebahasaan** di institusi pendidikan tinggi. Ini dapat dilakukan dengan kerjasama erat Kementerian Pengajian Tinggi (KPT). Program pendidikan yang melibatkan penceritaan, puisi, dan seni persembahan dalam bahasa kolokial boleh meningkatkan penghargaan pelajar terhadap warisan linguistik mereka.

15. Saya juga berharap agar Arkib Negara Malaysia dapat meneroka **usaha pendigitalan teks lama, rakaman suara, dan dokumen penting dalam bahasa kolokial** membolehkan warisan ini disimpan dalam format digital dan mudah diakses oleh generasi akan datang. Projek ini boleh disokong dengan teknologi pengimbasan canggih dan pangkalan data awan yang memudahkan penyimpanan serta carian.

PENUTUP

16. Saya yakin bahawa Konvensyen yang diadakan selama dua hari ini akan dapat menjadi platform penyatuan masyarakat, pembulat muafakat dan pencetus idea ke arah pemeliharaan tradisi budaya.
17. Akhir kata, sekali lagi saya ucapkan tahniah atas penganjuran Konvensyen ini dan setinggi-tinggi penghargaan kepada barisan tokoh pembentang dan pembicara serta semua pihak yang terlibat secara langsung mahupun tidak langsung bagi menjayakan Konvensyen ini.
18. Dengan kata-kata dan hasrat tersebut, saya dengan sukacitanya merasmikan **KONVENSYEN KEBANGSAAN BAHASA KOLOKIAL: MELESTARIKAN KEBERDAYAAN BAHASA KOMUNITI**.

Sekian, terima kasih.